

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1 (9)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN
SUBANG JAYA BIL. 09 TAHUN 2013**

Tarikh : 25 September 2013 (Rabu)
Masa : 10.00 pagi hingga 11.40 pagi
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2,
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

HADIR

- | | | | |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi
Yang Dipertua MPSJ | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid
Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Pooi Weng Keong | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik Arumugam a/l Kalimuthu | - | " |
| 5. | Encik Stephen Chin Sou Bong | - | " |
| 6. | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh | - | " |
| 7. | Encik Mohd Nasir bin Yusof | - | " |
| 8. | Puan Norhesni binti Ismail | - | " |
| 9. | Encik Sapiyan bin Mohd. Din | - | " |
| 10. | Encik Tai Cheng Heng | - | " |

- | | | | |
|-----|---|---|---|
| 11. | Encik Micheal Tamilarason a/l K. Nadaysen | - | " |
| 12. | Encik Sufari bin Tinnin | - | " |
| 13. | Encik Chong Hoon Ming | - | " |
| 14. | Puan Azizan binti Jamaludin | - | " |
| 15. | Encik Jaber bin Ami | - | " |
| 16. | Encik Muzammil bin Hafiz | - | " |
| 17. | Puan Sazana binti Isa | - | " |
| 18. | Encik Chang Kim Loong, AMN | - | " |
| 19. | Encik Cheah Sang Soon | - | " |
| 20. | Encik Loka Ng Sai Kai | - | " |
| 21. | Encik Michael Noel Jalleh | - | " |
| 22. | Encik Yap Kok Weng | - | " |
| 23. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|--------------------|---|-------------|
| 1. | Dr. Loi Kheng Min | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Chia Yew Ken | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)

1. Encik Mohd. Zulkurnain bin Che Ali
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd. Basar
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
4. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
5. Encik Mohd Fadzil bin Mahat
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
6. Encik Ismail bin Muhamad
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
7. Puan Anita binti Abd. Jalil
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
8. Encik Norjafni bin Zainuddin
Pengarah, Jabatan OSC
9. Encik Ismail bin Salim
Pengarah, Jabatan Pelesenan
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Zahiruddin bin Hashim
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Puan Noraziah binti Ali
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
16. Encik Nazarudin bin Mashtuki
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
17. Encik Noorhafez bin Nordin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan COB
18. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari
Timbalan Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Aida binti Omar
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
21. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
22. Puan Azlina binti Mat Salim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
23. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
24. Cik Hasnor Salwa binti Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
25. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pelesenan
26. Encik Mohd Haizi bin Harun
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
27. Puan Rohana binti Ramli
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar

28. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
29. Puan Nor Shahela binti Amzah
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
30. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
31. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
32. Encik Mohd Hafiz bin Sharif
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
33. Puan Aziana binti Mohamad Aripin
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
34. Encik Muhammad Hafidz bin Hassan
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
35. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
36. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Encik Khairul Nazim bin Arbain
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Puan Siti Kartina binti Juhari
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
39. Cik Adibah binti Abdullah
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
40. Puan Raja Norfadzila binti Raja Ayob
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
41. Encik Mohd Safiee bin Junun
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan

42. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
43. Puan Nurfadzliana binti Ahmad Fadzil
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
44. Puan Azizah binti Idris
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
45. Puan Nur Maini binti Ariffin
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
46. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
47. Cik Nadia binti Muhamad Amin
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
48. Encik Alias bin Miskon
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
49. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Bahagian Audit Dalam
50. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
51. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
52. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
53. Encik Tarmidi bin Kadri
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
54. Encik Mohd Saidi bin Alang
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar

URUSETIA

1. Puan Rosmawati binti Zainuddin
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Habibah binti Ab.Manap
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

1.0 DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Ustaz Mohd Nasir Bin Yusof, Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

2.0 UCAPAN Pengerusi

YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 09/2013 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

2.1 Jalinan Persahabatan Dengan Hioki City Of Japan

MPSJ telah menjalin hubungan antarabangsa dengan Hioki City, Jepun pada tahun 2012. Di antara persetujuan yang dicapai adalah kerjasama dalam perkongsian bestari dalam hal-hal seperti kebudayaan, pendidikan, isu alam sekitar, ekonomi, pelancongan, sukan dan sebagainya.

Tahun ini, seramai 12 orang delegasi dari Hioki City, Jepun telah mengadakan lawatan ke MPSJ selama seminggu bermula pada 21 hingga 27 Ogos 2013. Seramai 8 orang peserta anak angkat dan 7 keluarga angkat telah terlibat dalam program anak angkat ini.

Program Anak Angkat dan Majlis Menandatangani MOU di antara MPSJ-Hioki sempena Program Bandar Persahabatan MPSJ-Hioki City, Jepun dan Perasmian Pusat Usahasama MPSJ-Hioki yang terletak di Aras G, Bangunan Kompleks 3C MPSJ pada 23 Ogos 2013 seiring dalam memastikan hubungan dua hala di antara MPSJ dan juga Bandar Hioki sentiasa erat dan produktif.

MPSJ akan mengadakan lawatan balas ke Hioki City pada 22 hingga 29 November 2013.

2.2 MOU Perkongsian Pintar

MPSJ telah meneruskan usahasama pintar dengan beberapa agensi bagi melaksanakan program-program yang telah dirancang melalui pemeteraian Memorandum Persefahaman yang telah diadakan pada 23 Ogos 2013. Di antaranya ialah :

- i) MPSJ - Alumni Look East Policy Society (ALEPS)
 - MOU ini adalah bertujuan bagi memastikan hubungan dua hala antara dua bandar terus kukuh melalui pelbagai aktiviti berfaedah yang akan dilaksanakan di Pusat Usahasama MPSJ - Hioki dan pihak ALEPS berperanan sebagai penyelaras.
 - Pembangunan inovasi dan dasar pandang ke timur.
- ii) MPSJ - CapitalTV.my (Online Dynamics (M) Sdn. Bhd.)
 - MOU ini berkaitan dengan membangunkan Program Hebahan Khidmat Awam (PSA) dalam memberi kesedaran sivik kepada masyarakat.
- iii) MPSJ - Mamee-Double Deckers (M) Sdn. Bhd.
 - MOU ini menekankan kepada pelaksanaan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) menerusi penganjuran program-program komuniti dan pembangunan infrastruktur.

2.3 Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) Tahun 2013

MPSJ telah disenarai pendek ke peringkat akhir dalam Anugerah Inovasi Sektor Awam (AISA) pada 12 September 2013 bertempat di Arena Square, Teluk Intan, Perak dengan menghantar dua (2) penyertaan projek inovasi yang bertajuk:

- i) Gerbang Perkhidmatan
- ii) Sistem Kawalan dan Pencegahan Aedes Menerusi Inovasi Nyamuk *Toxorhynchites* dan ABC

2.4 'Soft Launch' Pelancaran Projek Pengasingan Sisa Bagi Program Bandar Biomass Serdang

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah mengadakan 'Soft Launch' Pelancaran Projek Pengasingan Sisa Bagi Program Bandar Biomass Serdang pada 21 September 2013 (Sabtu), jam 8.30 pagi – 12.00 tengah hari bertempat di Tasik Taman Seri Serdang.

Majlis ini dijalankan bagi memaklumkan kepada penduduk di kawasan Taman Seri Serdang untuk terlibat bagi melaksanakan program-program hijau seperti pengasingan sisa makanan, kitar semula minyak masak terpakai, kitar semula sisa bukan organik dan melaksanakan kompos di rumah.

Program ini juga dijalankan bagi tujuan mengingatkan pengusaha premis makanan supaya menjaga kebersihan dan kesihatan seperti menyediakan kemudahan 'gris trap', pematuhan penjagaan kebersihan premis dan keselamatan makanan.

Pelaksanaan program pengasingan sisa makanan bagi program Bandar Biomass Serdang ini adalah kesinambungan bagi projek-projek hijau sedia ada.

A. Program Hijau ini dilaksanakan melibatkan:

- i. 109 unit rumah di Kawasan Perumahan Jalan 18/8 – Jalan 18/13, Taman Seri Serdang
- ii. 4 buah Restoran
- iii. 4 buah Sekolah
- iv. 2 Medan Selera MPSJ iaitu Medan Selera Tasik Seri Serdang (4 Unit Gerai) dan Medan Selera Pekan Seri Serdang (10 Unit Gerai).

B. Insentif berupa tong akan diberikan secara percuma kepada:

- i. Penduduk
 - a. Tong Sisa Makanan - 70 Liter
 - b. Tong Kompos Individu - 70 Liter

- ii. Restoran
 - a. Tong Sisa Makanan - 120 Liter
 - b. Tong Sisa Minyak Masak Terpakai - 70 Liter
- iii. Sekolah
 - a. Tong Sisa Makanan - 70 Liter
 - b. Tong Sisa Minyak Masak Terpakai - 70 Liter
- iv. Medan Selera
 - a. Tong Sisa Makanan - 70 Liter
 - b. Tong Sisa Minyak Masak Terpakai - 70 Liter

2.5 Konvensyen Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor Ke - 26 Tahun 2013

MPSJ akan menghantar dua (2) pasukan KIK dalam Konvensyen Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor bertempat di Dewan Jubli Perak, SUK pada 26 hingga 27 September 2013.

Dua kumpulan tersebut terdiri daripada Kategori Pengurusan iaitu Kumpulan D'Planners dari Jabatan Perancang Bandar yang mengenengahkan projek bertajuk "Mempercepatkan Proses Penjualan Pelan Guna Tanah Kepada Pelanggan" dan Kumpulan EP dari Jabatan Khidmat Pengurusan dengan tajuk projek "Kesukaran Carian Lot Pusara".

Pihak Pengurusan MPSJ mengucapkan selamat maju jaya kepada pasukan MPSJ dan semoga projek yang dipertandingkan ini dapat memberi kejayaan kepada MPSJ.

2.6 Hari Keluarga MPSJ 2013

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan MPSJ akan menganjurkan program Hari Keluarga MPSJ pada 28 September 2013 (Sabtu), bermula pada jam 8.30 pagi bertempat di Sunway Lagoon.

Program ini merupakan salah satu aktiviti rasmi MPSJ bagi mengeratkan silaturrahim dan hubungan kekeluargaan antara semua warga kerja MPSJ dan Ahli Majlis.

Adalah menjadi harapan setiap warga MPSJ agar program Hari Keluarga MPSJ ini berjalan lancar dan berjaya mencapai objektifnya.

2.7 Konvensyen Team Excellence (ICC) Peringkat Kebangsaan Tahun 2013

MPSJ akan menghantar satu pasukan KIK dalam Konvensyen ICC Peringkat Kebangsaan anjuran MPC bertempat di Bukit Gambang, Kuantan pada 1 hingga 4 Oktober 2013.

Kumpulan tersebut terdiri daripada Kategori Teknikal iaitu Kumpulan Transformasi dari Jabatan Pengurusan Alam Sekitar yang mengenengahkan projek yang bertajuk “Peningkatan Sisa Organik Di Pasar Awam Taman Seri Serdang, Seri Kembangan, Selangor”.

2.8 Anugerah Pengurusan Pejabat Dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) Tahun 2013

MPSJ akan menerima lawatan daripada Panel Penilai Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC) 2013 pada 7 Oktober 2013 (Isnin).

Pembentangan dokumen mengikut kriteria akan dibentangkan dalam Lab Persediaan APPC yang akan diadakan pada 26 hingga 27 September 2013.

2.9 Ibadah Qurban MPSJ 2013 / 1434H

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Kelab Sukan Dan Kebajikan MPSJ akan menganjurkan Majlis Ibadah Qurban Peringkat MPSJ 2013 pada 17 Oktober 2013 (Khamis) bersamaan 12 Zulhijjah 1434H, bermula jam 8.30 pagi hingga 2.00 petang bertempat di Perkarangan Padang, Kompleks Sukan MPSJ.

2.10 Majlis Penyampaian Sumbangan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) MPSJ 2013

Setiap tahun MPSJ akan menganjurkan pelbagai program dan aktiviti di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) MPSJ. Dalam Majlis Penyampaian Sumbangan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) MPSJ 2013 kali ini, pihak Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM144,000.00 di mana setiap JKP MPSJ akan diperuntukkan RM6,000.00 bagi melaksanakan Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di kawasan masing-masing.

Dalam Majlis Penyampaian Sumbangan ini, setiap JKP MPSJ akan menyenaraikan 20 orang individu dari golongan yang kurang berkemampuan (ibu tunggal, anak yatim dan golongan kurang upaya) untuk menerima sumbangan berupa barangan keperluan asas (seperti beras, gula, minyak masak) serta wang tunai RM100.00 seorang.

Objektif Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) MPSJ adalah seperti berikut:

- i. Membantu golongan kurang berkemampuan menjana pendapatan dengan melibatkan mereka dalam program keusahawanan seperti kelas jahitan, bakeri dan kelas kemahiran yang diadakan oleh pihak Majlis.
- ii. Mengeratkan dan memperkukuhkan hubungan baik yang sedia terjalin di antara MPSJ, JKP dan penduduk.

iii. Memberikan motivasi dan kesedaran terhadap aspek hubungan sesama manusia tanpa mengira kedudukan dan sosio-ekonomi.

Program ini akan diadakan pada 20 Oktober 2013 (Ahad), jam 2.00 petang bertempat di Grand Ballroom, Hotel Sunway Resort & Spa.

2.11 Minggu Green Produktiviti

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan mengadakan Program *Minggu Green Produktiviti* pada 18 hingga 31 Oktober 2013.

Program ini bertujuan sebagai medium untuk memaklumkan kepada penduduk di kawasan MPSJ bahawa pihak Majlis dalam fasa menuju ke arah *Zero Kaunter* bermula pada tahun 2014. Fasa pertama program ini melibatkan Cukai, Kompaun dan Pembaharuan Lesen Perniagaan.

Program ini akan diadakan di Ibu Pejabat MPSJ di Subang Jaya serta Pejabat Cawangan MPSJ di Bandar Puteri dan Seri Kembangan. Kaunter Bergerak turut diadakan di beberapa lokasi yang berbeza.

Antara program yang diadakan sepanjang *Minggu Green Produktiviti* ini ialah:

- i. Pendaftaran sebagai ahli *My@MPSJ*.
- ii. Mendapatkan maklumat butiran pelanggan:
Individu - No I/C
Syarikat - Sijil Pendaftaran Syarikat
- iii. Semua Borang Permohonan di muat turun melalui laman web MPSJ.
- Tiada borang 'hardcopy' diberikan di kaunter informasi
- iv. Urusan Cukai, Kompaun Trafik dan Pembaharuan Lesen Perniagaan hanya dibuat melalui Sistem Online dan Kios Bayaran.

- v. Memberi tunjuk ajar kepada pelanggan untuk menggunakan Sistem Online seperti Pembaharuan Lesen Perniagaan.
- vi. Pelbagai acara menarik turut diadakan antaranya ialah pemberian cenderahati kepada ahli baru, kuiz dan cabutan bertuah.

2.12 Pertandingan Asian Youth PARA Games

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan berkerjasama dengan Majlis Paralimpik Malaysia dalam menganjurkan Pertandingan Asian Youth PARA Games – Acara Goalball pada 24 - 30 Oktober 2013 di Stadium MPSJ, Serdang Jaya.

Sebanyak 7 buah negara dan 48 buah pasukan telah mengesahkan penyertaan dalam kejohanan ini. Di antara negara yang telah mengesahkan penyertaan adalah Arab Saudi, Iran, Thailand, Indonesia, Singapura, Qatar, Syria dan Malaysia. MPSJ akan menyediakan kemudahan venue bagi pertandingan tersebut.

2.13 Pelaksanaan Penubuhan Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (Improvement Service Fund) Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) telah mengambil inisiatif bagi melaksanakan kaedah Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (Improvement Service Fund) yang merupakan satu bentuk kutipan wang berkaitan kerja-kerja infrastruktur di bawah Seksyen 132, Akta Jalan, Parit dan Bangunan, 1974 (Akta 133) dan telah mendapat kelulusan melalui Mesyuarat MTES bertarikh 05 September 2013.

lanya bertujuan supaya Pembangunan di sesuatu kawasan perlu menyediakan infrastruktur yang teratur dari segi sistem perparitan dan juga sistem jalanraya. Walaubagaimanapun

infrastruktur sedia ada perlu dinaiktaraf sekiranya terdapat perbezaan (lebih besar / padat) pembangunan baru dengan pembangunan sedia ada dimana infrastruktur sedia ada tidak mampu menampung tambahan kapasiti. Menaiktaraf infrastruktur ini perlu dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah yang akan timbul akibat daripada pembangunan tersebut seperti kesesakan lalulintas dan kejadian banjir.

- i. Kadar caj yang akan dikenakan adalah mengikut jenis pembangunan seperti berikut:
 - a) Perumahan
 - b) Perdagangan dan Perusahaan
 - c) Institusi Pelajaran dan Pendidikan

- ii. Pembangunan yang disyorkan dikecualikan dikenakan caruman Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (Improvement Service Fund) ialah:
 - a) Kediaman kos rendah (harga RM 42,000.00 dan kurang).
 - b) Bangunan yang digunakan bagi tujuan ibadat dan keagamaan.
 - c) Pembangunan yang melibatkan tambahan dan perubahan kepada bangunan sedia ada tanpa pertambahan ruang lantai.
 - d) Pembangunan Sekolah Kerajaan dan Sekolah Bantuan Penuh Kerajaan dan Sekolah Agama Rakyat (SAR).

2.14 Pelaksanaan Tindakan Mengkompaun Bagi Kesalahan Membuang Sampah / Kempen Anti - Littering

- i. Sikap membuang sampah di jalanan masih lagi menjadi budaya dalam kebanyakan orang awam di Malaysia. Sampah kecil seperti puntung rokok, gula-gula getah dan bungkus makanan sering kali dijumpai di kawasan kaki lima dan di tepi jalan awam sehingga mencemarkan imej kawasan tersebut.

- ii. Selaras dengan imej Majlis sebagai Pihak Berkuasa Tempatan yang bersih daripada sampah, Majlis akan menguatkuasakan sepenuhnya peruntukan di bawah Undang-Undang Kecil Pembuangan, Pengutipan dan Pelupusan Sampah (MPSJ) 2007 di seluruh kawasan pentadbiran Majlis dengan menjadikan kawasan SS 15, Subang Jaya sebagai kawasan perintis untuk penguatkuasaan anti – litter ini.
- iii. Majlis akan mengenakan kompaun terhadap mana-mana individu yang didapati membuang sampah di jalanan dan di tempat awam bermula pada 01 Oktober 2013 melalui anggota penguatkuasa Majlis yang akan mengeluarkan kompaun serta merta kepada pesalah dan pesalah boleh membuat pembayaran secara terus kepada penguatkuasa tersebut dengan tawaran kompaun sebanyak RM 10.00 untuk setiap kesalahan yang dilakukan.
Seterusnya dimaklumkan bahawa kadar kompaun akan meningkat kepada kadar maksimum RM1000.00 ringgit sekiranya pesalah gagal untuk membuat pembayaran serta merta atau dalam tempoh yang ditawarkan.
- iv. Seterusnya, orang awam adalah diingatkan kegagalan untuk membuat penyelesaian kompaun boleh menyebabkan pesalah tersebut dihadapkan ke Mahkamah dan sekiranya didapati bersalah, pelaku kesalahan boleh dikenakan hukuman di bawah Undang-Undang Kecil Pembuangan, Pengutipan dan Pelupusan Sampah (Majlis Perbandaran Subang Jaya) 2007 iaitu denda maksimum tidak melebihi RM2000.00 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya sekali.
- v. Seterusnya, orang awam adalah diingatkan untuk tidak sewenangnyanya membuang sampah di kawasan laluan awam kerana tindakan yang tidak bertanggungjawab itu akan memberikan imej yang tidak baik kepada semua pihak termasuk Majlis.

2.15 Laporan Demam Denggi

Bilangan kes denggi di Malaysia (termasuk MPSJ) menunjukkan peningkatan. Status terkini sehingga 14 September 2013 di kawasan pentadbiran MPSJ menunjukkan terdapat 2 kawasan 'hotspots' iaitu:

- i) Taman Bukit Kinrara 1 (Apartment Melor) sebanyak 10 kes dilaporkan.
- ii) Pusat Bandar Puchong 5 (Apartment Sri Pinang) sebanyak 10 kes dilaporkan.

Kerjasama penduduk adalah diharapkan untuk memastikan kawasan persekitaran masing-masing bebas daripada tempat pembiakan nyamuk aedes termasuk memastikan penduduk tidak membuang sampah merata-rata.

Pada 27 September 2013 (Jumaat), *Majlis Pelepasan Nyamuk Toxo* akan diadakan di Pangsapuri Sri Tanjung, USJ 16 pada pukul 10 pagi. Kawasan ini adalah kawasan kedua untuk program pelepasan nyamuk toxo selepas Kampung Sri Aman, Puchong.

3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 08/2013 BERTARIKH 28 OGOS 2013.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 08/2013 bertarikh 28 Ogos 2013 telah disahkan tanpa pindaan.

4.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

4.1 Kajian Kesan Tahap Radiasi Oleh Agensi Nuklear Malaysia Ke Atas Struktur Telekomunikasi

Encik Jaber bin Ami memohon supaya pihak Majlis menjemput pihak Agensi Nuklear Malaysia untuk menjalankan kajian tahap keselamatan kesan radiasi ke atas struktur telekomunikasi oleh Syarikat Telco di kawasan pentadbiran MPSJ.

Tindakan : Jabatan Bangunan

5.0 PEMBENTANGAN SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima** Laporan Pembentangan Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Subang Jaya Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2012.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 09/2013 Bertarikh 04 September 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.1 m.s	En. Jaber bin Ami	Status "Selesai" Dalam Sistem e-Aduan I-Responz	<p>Beliau memohon maklumat berkenaan tahap keberkesanan informasi sistem aduan bagi status aduan selesai.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Perancangan Korporat memaklumkan kadar penyelesaian terhadap aduan MPSJ mencapai tahap 99.7%.</p> <p>Walaupun terdapat juga aduan yang berstatus 'kiv' sekiranya aduan tersebut melibatkan permasalahan yang berkaitan dengan peruntukan kewangan dan isu-isu perundangan.</p> <p>Beliau seterusnya memaklumkan penggunaan sistem</p>

				<p>aduan awam MPSJ sememangnya menekankan aspek pengurusan maklumbalas kepada pelanggan seperti yang ditetapkan di dalam Prosedur ISO 9001 : 2008.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perancangan Korporat mengaturkan satu sesi taklimat untuk Ahli Majlis melihat SOP Sistem Aduan MPSJ bagi meneliti kaedah terbaik untuk penambahbaikan pengurusan Sistem Aduan MPSJ.</p>
2	para 5.2 (a) m.s 6 & 7	En. Arumugam a/l Kalimuthu	Laporan Lawatan Tapak Ke Atas Ujian "Coring Test" Bagi Cadangan Kerja-Kerja Pembinaan Jalan Masuk Ke Sekolah Kebangsaan Taman Desaminium, Taman Desaminium, Bandar Putra Permai, Selangor Darul Ehsan.	<p>Beliau membangkitkan berkenaan isu ketebalan "crusher run" dan turapan premix yang kurang daripada ukuran yang telah ditetapkan oleh pihak Majlis.</p> <p>Beliau turut mengesyorkan agar Jabatan Kejuruteraan membuat pemantauan di tapak dengan lebih berkesan bagi mengelakkan sebarang permasalahan pada hasil kerja yang</p>

				<p>dilaksanakan oleh pihak kontraktor.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa kerja-kerja pembaikan di tapak sedang dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang terlibat. Sehubungan dengan itu, satu lawatan tapak akan diadakan semula bersama Ahli Majlis dan pihak jawatankuasa terlibat bagi memastikan kerja-kerja pembaikan yang dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja yang telah ditetapkan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan mengambil perhatian serius berhubung perkara ini dan meminta supaya aspek penelitian terhadap spesifikasi kerja perlu diperhalusi bagi mencegah daripada berlakunya sebarang kerosakan dan "defect" terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan di tapak.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Bahagian Audit Dalam

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 17/2013 Bertarikh 10 September 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 7.1.1 m.s 95	En. Pooi Weng Keong	Cadangan Pelebaran Jalan Dan Penyediaan Lorong Belakang Bangunan Industri Sebagai Tempat Letak Kereta Di PJS 11, Bandar Sunway.	Beliau memohon maklumbalas bilakah cadangan berhubung perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur. <u>Maklumbalas:</u> Dato' Yang Dipertua memaklumkan bahawa cadangan berhubung perkara ini akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur pada bulan Oktober 2013.

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 18/2013 Bertarikh 23 September 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.16 m.s 37	En. Pooi Weng Keong	Prima Nova Harta Development Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon supaya Mesyuarat Jawatankuasa OSC mengkaji semula keputusan 'Lulus Dengan Syarat' berhubung permohonan Kebenaran Merancang ini memandangkan beberapa syarat-syarat teknikal masih belum dipatuhi oleh pihak pemaju.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua memutuskan untuk mengekalkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil.18/2013 seperti yang dicatatkan di dalam Minit Mesyuarat.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya memaklumkan bahawa perkara ini akan dibentangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang.</p>
2	para 6.3 m.s 58	En. Chang Kim Loong	Garis Panduan Ubahsuai Dan Tambahan Bangunan	Beliau memohon supaya isu berkenaan ubahsuai dan tambahan bangunan yang dibuat tanpa mendapatkan kelulusan pihak

				<p>Majlis perlu diberikan perhatian serius.</p> <p>Sehubungan dengan itu, beliau mencadangkan supaya pihak Majlis membuat satu dasar dan garis panduan bagi program pemutihan ke atas bangunan yang membuat ubahsuai dan tambahan tanpa kelulusan pihak Majlis.</p> <p>Beliau turut mengesyorkan agar kawasan Bandar Puteri dipilih sebagai projek perintis untuk program pemutihan ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan seterusnya meminta Jabatan Bangunan dan Jabatan Perancang Bandar untuk membuat kajian dan garis panduan berhubung perkara ini untuk dibentangkan di peringkat Jawatankuasa OSC.</p> <p>Perkara ini akan dijadikan sebagai dasar Majlis setelah mendapat kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa OSC.</p>
--	--	--	--	--

3	para 8.1 m.s 72	En. Jaber bin Ami	Pembinaan Struktur Telekomunika si	<p>Beliau mencadangkan agar pihak Majlis menetapkan dasar dan garis panduan supaya setiap permohonan pembinaan struktur telekomunikasi perlu melalui proses kelulusan Kebenaran Merancang.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Bangunan dan Jabatan Perancang Bandar membuat kajian dan kertas dasar berhubung perkara ini untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC.</p> <p>Walaubagaimanapun sebelum sesuatu dasar itu diputuskan, pihak Jawatankuasa perlu membuat semakan terlebih dahulu dengan garis panduan dan dasar yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dan pihak KPKT supaya dasar dan garis panduan yang akan dilaksanakan oleh pihak Majlis selaras dengan dasar dan garis panduan tersebut.</p>
---	--------------------	----------------------	---	---

Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 09/2013 Bertarikh 17 September 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.9 m.s 6	En. Chang Kim Loong	Operasi Iklan Haram Di Kawasan MPSJ	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mencari kaedah dan mekanisme yang lebih berkesan bagi menangani isu iklan-iklan haram yang masih berlarutan dan bertambah serius di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p>Beliau mencadangkan supaya tindakan lebih tegas diambil terhadap pihak yang terlibat dalam penampalan iklan-iklan haram ini.</p> <p>Beliau turut mencadangkan agar satu jawatankuasa teknikal dibentuk bagi mengenalpasti langkah-langkah pencegahan yang lebih serius serta mencari alternatif yang lebih berkesan untuk membendung perkara ini daripada terus berleluasa.</p>

				<p>Beliau seterusnya mencadangkan supaya kawasan Bandar Puteri turut dimasukkan dalam senarai kawasan bagi projek perintis untuk pelaksanaan cat anti sticker.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Pengurusan Alam Sekitar, Jabatan Kejuruteraan dan Jabatan Undang-Undang untuk memperhalusi perkara ini bagi mencari kaedah yang lebih berkesan untuk membanteras isu-isu berkaitan iklan haram ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua turut memaklumkan bahawa pihak Kerajaan Negeri sedang dalam peringkat untuk mewujudkan Enakmen Kebersihan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor sebagai salah satu usaha memastikan keberkesanan penguatkuasaan ke atas isu-isu kebersihan di PBT Selangor termasuklah isu-isu yang berkaitan</p>
--	--	--	--	---

				<p>dengan iklan-iklan haram ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Timbalan Yang Dipertua memaklumkan bahawa pihak urusetia telah mengadakan mesyuarat penyelarasan peringkat dalaman berkenaan operasi iklan haram ini.</p> <p>Pihak urusetia telah memilih kawasan SS 15, USJ 9 dan USJ 10 di Subang Jaya sebagai perintis untuk pelaksanaan projek cat anti sticker.</p> <p>Beliau turut bersetuju supaya Bandar Puteri turut dipilih untuk pelaksanaan projek perintis cat anti sticker ini.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 09/2013 Bertarikh 17 September 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 09/2013 Bertarikh 18 September 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 09/2013 Bertarikh 19 September 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan pindaan.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 9.9 m.s 43	En. Stephen Chin Sou Bong	Kadar Sewa Tapak Dan Kos Pembersihan Serta Pelupusan Sampah Bagi Pasar Pagi Dan Pasar Malam Di Kawasan Pentadbiran Majlis Perbandaran Subang Jaya Pada 2014	<p><u>Pindaan Minit :</u> Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula dan seterusnya 'menangguhkan' keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil.9/2013 berhubung perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Mesyuarat telah bersetuju untuk 'menangguhkan' keputusan</p>

				<p>Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 09/2013 berhubung perkara ini dan akan dibawa semula untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan yang akan datang setelah diadakan sesi perjumpaan dan taklimat bersama para peniaga yang terlibat.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya meminta supaya cadangan dan keputusan berhubung perkara ini akan di bawa ke MTES untuk mendapatkan keputusan Pihak Berkuasa Negeri.</p>
--	--	--	--	---

Tindakan : Jabatan Pelesenan

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 09/2013 Bertarikh 20 September 2013

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.1.1 m.s 5	En. Tai Cheng Heng	Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Besar, Seri Kembangan	<p>Beliau memohon maklumbalas berkenaan status kerja-kerja menaiktaraf Jalan Besar, Seri Kembangan.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Pengarah Kejuruteraan memaklumkan bahawa Mesyuarat JKR Negeri pada bulan September 2013 telah membincangkan mengenai perkara ini.</p> <p>Walaupun bagaimanapun beberapa perkara berkaitan tambahan dan perubahan spesifikasi kerja masih belum dimuktamadkan di dalam mesyuarat tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Kejuruteraan mengemukakan semula isu berhubung perkara ini di peringkat JKR Daerah dan Negeri memandangkan projek ini telah lama terhenti.</p>

				<p>Dato' Yang Dipertua turut meminta supaya Jabatan Kejuruteraan mengadakan satu mesyuarat teknikal bagi membincangkan perkara ini dengan lebih lanjut dan pihak kontraktor yang terlibat hendaklah dijemput untuk menghadiri mesyuarat ini bagi memberikan penjelasan lanjut berhubung perkara ini.</p>
2	Hal-Hal Lain	En. Sapiyan bin Mohd. Din	Cadangan Pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat Di Stesen LRT Puchong Perdana (Stesen 10)	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengadakan mesyuarat bersama pihak Prasarana Negara Berhad berhubung cadangan untuk membuat pindaan/perubahan ke atas pelan sedia ada bagi membina tempat letak kereta bertingkat di Stesen LRT di Puchong Perdana (Stesen 10).</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Dato' Yang Dipertua meminta Jabatan Perancang Bandar dan Jabatan Kejuruteraan membuat kajian terperinci mengenai aspek teknikal berhubung perkara</p>

				<p>ini dan seterusnya mengadakan perbincangan bersama pihak Prasarana Negara Berhad bagi mencari alternatif yang sesuai berkenaan cadangan ini.</p> <p>Dato' Yang Dipertua seterusnya meminta agar diadakan satu mesyuarat koordinasi bersama pihak Prasarana Negara Berhad bagi membincangkan mengenai isu ini dengan lebih lanjut.</p>
--	--	--	--	--

Tindakan : Jabatan Kejuruteraan

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

7.1 YBhg. Dato' Yang Dipertua mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi.

'MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI'

Disediakan oleh;

.....
(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)
Setiausaha Perbandaran
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' ASMAWI BIN KASBI, D.S.I.S., S.M.S.)
Pengerusi Mesyuarat
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

Tarikh :